Yow Bing Kwong dan satu lagi lwn Sumarni

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN SIVIL NO 12–18 TAHUN 2001
RAMLY ALI H
31 MEI 2002

Ganti Rugi (Kecederaan atau Kematian) *— Kecederaan peribadi — Kehilangan mata pencarian masa hadapan — Defendan seorang pembantu rumah daripada Indonesia — Hakim perbicaraan telah mengawarded kehilangan mata pencarian masa hadapan untuk enam bulan berdasarkan permit pekerjaan telah luput enam bulan selepas kemalangan — Sama ada defendan berhak kepada kehilangan mata pencarian masa hadapan selepas permit pekerjaan luput — Sama ada defendan telah membuktikan kehilangan mata pencarian masa hadapan*

Kemalangan tersebut berlaku antara pejalan kaki plaintif dan defendan, pemandu sebuah kereta. Hakim mahkamah sesyen telah memperuntukkan 90% tanggungan ke atas defendan dan mengawardkan ganti rugi yang berikut (atas dasar 100% tanggungan): (a) RM58,000 bagi kecederaan, kesakitan dan kehilangan kemudahan-kemudahan; dan (b) RM350 sebulan kerana kehilangan pendapatan selama enam bulan. Terdapat potongan 10% bagi penindihan. Defendan merayu berhubung dengan isu tanggungan dan defendan telah merayu balas terhadap kuantum ganti rugi yang diawardkan. Rayuan defendan telah ditolak dan kes ini melibatkan rayuan balas oleh defendan.

Diputuskan, menolak rayuan balas tersebut:

(1) Defendan merupakan seorang pembantu rumah, yang mendapat gaji bulanan sebanyak RM350. Hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan kehilangan pendapatan masa depan selama enam bulan atas dasar bahawa kemalangan tersebut telah berlaku pada 31 Januari 2000 dan permit kerja tersebut telah luput enam bulan selepas itu. Oleh itu, persoalan untuk dipertimbangkan adalah sama ada defendan berhak untuk diberikan award 'kehilangan pendapatan masa depan' selepas luputnya permit kerja tersebut. Kehilangan pendapatan masa depan semestinya merupakan suatu 'kehilangan sebenar yang boleh ditaksirkan' dan haruslah dibuktikan melalui keterangan. Dalam kes semasa, defendan gagal untuk membuktikan bahawa beliau akan mengalami kehilangan pendapatan masa depan selepas luputnya permit kerja tersebut permit. Kemungkinan permit kerja beliau diperbaharui adalah bergantung pada banyak faktor dan boleh dianggapkan sebagai bersifat spekulatif. Selanjutnya, tidak terdapat keterangan bahawa adanya kerja yang sedang menanti untuk defendan di Indonesia. Sehubungan itu, mahkamah bersetuju dengan award untuk kehilangan pendapatan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen (lihat ms 315H–314E).

A (2) Defendan gagal untuk meyakinkan mahkamah bahawa beliau tidak dapat bekerja sebagai seorang pembantu rumah akibat kemalangan tersebut (lihat ms 315B–C).

[English summary

B The accident occurred between the plaintiff pedestrian and the defendant, the driver of a motor car. The sessions court judge apportioned 90% of the liability on the defendant and awarded the following damages (on the basis of 100% liability): (a) RM58,000 for injuries, pain and loss of amenities; and (b) RM350 a month for loss of earnings for six months. There was a 10% deduction for overlapping. The defendant appealed in relation to the issue of liability and the defendant cross-appealed against the quantum of damages awarded. The defendant's appeal had been dismissed and this case involved the cross-appeal by the defendant.

D **Held**, dismissing the cross-appeal:

(1) The defendant was a domestic maid, earning a monthly salary of RM350. The sessions court judge had awarded six months' loss of future earnings on the basis that the accident had occurred on 31 January 2000 and the work permit had expired six months thereafter. Thus, the question to be considered was whether the defendant was entitled to be awarded 'loss of future earnings' after the expiry of the work permit. The loss of future earnings must be a 'real assessable loss' and had to be proved through evidence. In the instant case, the defendant failed to prove that she would suffer loss of future earnings after the expiry of the work permit. The likelihood of her work permit being renewed was dependent on many factors and could be considered as speculative. Further, there was no evidence that there was a job waiting for the defendant in Indonesia. Accordingly, the court was agreeable with the award for loss of earnings given by the sessions court judge. (see pp 315H–314E)

G (2) The defendant failed to convince the court through evidence that she was unable to work as a domestic maid as a result of the accident (see p 315B–C).]

Nota-nota

H Untuk kes-kes mengenai kehilangan mata pencarian masa hadapan, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 596–608.

Kes-kes yang dirujuk

I *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103 (dirujuk)

Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 29
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 55 k 3, Borang 113B

Rayuan daripada: Saman No 53–51 Tahun 2000 (Mahkamah Sesyen, Temerloh).

Ramly Ali H:

Alasan penghakiman

Responden di dalam rayuan ini seorang warganegara Indonesia, merupakan plaintif di dalam Kes Saman No 53–51–2000 di Mahkamah Sesyen Temerloh. Beliau telah membuat tuntutan ganti rugi akibat kemalangan jalanraya di mana beliau sebagai seorang pejalan kaki, telah dianggar oleh sebuah kenderaan yang dipandu oleh defendan pertama di Bandar Triang. Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen telah menetapkan liabiliti 90% ke atas defendan dan 10% ke atas plaintif (responden). Sebagai ganti rugi, hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan (berdasarkan liabiliti 100%) kepada plaintif (responden) ganti rugi am (secara global) sebanyak RM58,000 untuk kecederaan, kesakitan dan kehilangan 'amenities'; ditolak 10% bagi 'overlapping' menjadi RM52,200. Bagi ganti rugi khas, iaitu kehilangan pendapatan selama enam bulan bagi jumlah RM350 sebulan menjadi jumlah RM2,100.

Defendan-defendan (yang merupakan perayu-perayu) di dalam kes ini, tidak berpuashati dengan keputusan tersebut (setakat yang melibatkan liabiliti) dan telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini.

Selepas memorandum rayuan diserahkan kepada responden (plaintif), beliau pula telah memfailkan rayuan balas (cross appeal) berkaitan dengan keputusn yang sama setakat yang melibatkan award ganti rugi mengenai kehilangan pendapatan masa depan (loss of future earnings).

Di peringkat rayuan, mahkamah ini pada 30 Mei 2002 telah memutuskan: (i) rayuan oleh perayu (atas isu liabiliti) ditolak dengan kos; dan (ii) rayuan balas (cross appeal) oleh responden (atas isu award kehilangan pendapatan masa depan) juga ditolak dengan kos. Responden telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut dan pada 14 September 2002, Mahkamah Rayuan telah membenarkan responden untuk merayu ke Mahkamah Rayuan.

Alasan penghakiman ini adalah hanya berkaitan penghakiman mahkamah ini menolak dengan kos rayuan balas (cross appeal) oleh responden mengenai kehilangan pendapatan masa depan (loss of future earnings).

Hujahan perayu

Mengikut perayu, rayuan balas yang difailkan oleh responden selepas memorandum rayuan diserahkan oleh perayu kepada responden, adalah tidak sah. Mengikut perayu, memandangkan rayuan utama perayu adalah

A mengenai isu liabiliti, maka rayuan balas oleh responden, yang hanya menyentuh soal ganti rugi, perlu difailkan secara tersendiri tanpa menunggu memorandum rayuan diserahkan kepadanya oleh perayu bagi rayuan utama. Notis rayuan balas tersebut perlu difailkan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh penghakiman dibuat.

B Seterusnya perayu juga menghujahkan bahawa memandangkan hakim mahkamah sesyen tidak memberi alasan di dalam alasan penghakimannya tentang mengapa beliau tidak membuat award bagi kehilangan pendapatan masa depan, maka mahkamah ini patut memberi arahan kepada hakim mahkamah sesyen untuk memberikan alasan penghakimannya mengenai isu tersebut, sebelum rayuan balas ini dapat dipertimbangkan.

C Akhirnya responden menghujahkan dalam keadaan dan fakta kes ini, responden tidak layak untuk mendapatkan ganti rugi kehilangan pendapatan masa depan selepas tempoh enam bulan (selepas tarikh kemalangan) seperti yang telah diawardkan oleh hakim mahkamah sesyen memandangkan permit kerja responden yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia yang membenarkan beliau bekerja sebagai pembantu rumah di negara ini hanya sahlaku bagi tempoh enam bulan tersebut dan seterusnya telah tidak diperbaharui.

D

Hujahan responden

E Responden menghujahkan beliau dibenarkan untuk memfailkan notis rayuan balas dalam tempoh tujuh hari selepas menerima serahan memorandum rayuan seperti yang diperuntukkan di bawah A 55 k 3 Kaedah-Kedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Mengenai isu tentang kegagalan hakim mahkamah sesyen memberikan alasannya di dalam alasan penghakiman beliau tentang mengapa beliau F tidak membuat award ganti rugi 'kehilangan pendapatan masa depan' seperti yang dituntut oleh responden, responden menghujahkan kegagalan tersebut tidak 'fatal' dan pendengaran di makamah ini di peringkat rayuan adalah secara perbicaraan semula (by way of rehearing) mengikut s 29 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK'), di mana mahkamah ini boleh G meneruskan perbicaraan rayuan ini walaupun tanpa alasan penghakiman berkenaan.

Mengenai tuntutan ganti rugi 'kehilangan pendapatan masa depan' responden menghujahkan beliau patut diberikan award tersebut kerana pada masa kemalangan berlaku beliau sedang bekerja sebagai pembantu rumah dan gajinya ialah RM350 sebulan. Mengikut responden, disebabkan H kecederaan yang dialami semasa kemalangan tersebut, beliau tidak dapat melaksanakan tugasnya sebagai pembantu rumah dan permit kerjanya telah tidak diperbaharui oleh Kerajaan Malaysia, setelah tamat tempoh sahlaku enam bulan selepas tarikh kemalangan.

I *Pendapat mahkamah*

Mengenai isu samada responden perlu memfailkan notis rayuan balasnya secara tersendiri atau selepas memorandum rayuan diserahkan kepadanya

oleh perayu, mahkamah bersetuju dengan hujahan responden bahawa responden boleh berbuat demikian dalam tempoh tujuh hari dari tarikh responden diserahkan dengan memorandum rayuan oleh perayu seperti yang diperuntukkan di bawah A 55 k 3 KMT, dengan memfailkan Borang 113B. Aturan 55 k 3 KMT memperuntukkan seperti berikut:

> Notice of cross appeal
>
> A respondent to an appeal may, within seven days from the date of service on him of the memorandum of appeal, file in the High Court and serve upon the appellant a notice (in Form 113 B) that he intends to contend on the hearing of the appeal that the decision of the court below should be varied.

Oleh itu, mahkamah memutuskan notis rayuan balas yang difailkan oleh responden di dalam kes ini adalah teratur dan selaras dengan Aturan tersebut dan boleh digunakan untuk tujuan rayuan balasnya di dalam kes ini.

Mengenai isu kegagalan hakim mahkamah sesyen menyentuh tentang soal ganti rugi mengenai 'kehilangan pendapatan masa depan' di dalam alasan penghakimannya, mahkamah memutuskan ianya tidak 'fatal' dan mahkamah ini boleh terus mendengar rayuan dan rayuan balas oleh kedua-dua pihak tanpa mengarahkan hakim mahkamah sesyen berkenaan untuk menyediakan alasan penghakiman yang baru. Pendengaran rayuan kes-kes sedemikian di Mahkamah Tinggi adalah dibuat secara 'pendengaran semula (rehearing)'. Mahkamah ini di peringkat 'rayuan' boleh mendengar, menimbang dan memutuskan isu-isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua pihak berdasarkan fakta-fakta yang terdapat di dalam nota keterangan di peringkat perbicaraan di mahkamah sesyen dan dokumen-dokumen berkaitan. Ini adalah selaras dengan peruntukan s 29 AMK. Tindakan sedemikian perlu dan patut diambil untuk mengelakkan pendengaran rayuan tersebut tertangguh, memandangkan pada tarikh berkenaan, mahkamah ini serta kedua-dua pihak berkenaan telah pun bersedia untuk memulakan pendengarannya. Apa yang perlu dilakukan ialah mahkamah perlu memberitahu kedua-dua pihak tentang tindakan tersebut terlebih awal untuk membolehkan mereka menyediakan penghujahan yang secukupnya. Di dalam kes ini, tindakan tersebut telah pun diberitahu kepada kedua-dua pihak pada 22 Mac 2002 semasa mahkamah menetapkan tarikh-tarikh bagi pihak-pihak memfailkan hujahan bertulis masing-masing. Kedua-dua pihak tidak menimbulkan sebarang bantahan di peringkat itu.

Mengenai isu tentang tuntutan ganti rugi 'kehilangan pendapatan masa depan', responden adalah seorang pembantu rumah dari Indonesia yang bekerja dengan bekas majikan beliau secara sah di negara ini sebelum ditimpa kemalangan. Responden telah memberi keterangan bahawa pada tarikh kemalangan, beliau sudah bekerja dengan bekas majikannya, En Leow Kuan Shu (SP2) selama dua tahun dan memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM350. Walau bagaimanapun selepas kemalangan, akibat kecederaan yang dialami, beliau tidak lagi bekerja dengan En Leow Kuan Shu (SP2) kerana mengikut beliau, beliau tidak boleh bekerja lagi. Oleh itu beliau tidak lagi dibayar gaji bulanan dan permit kerjanya, yang

A tamat tempoh sahlaku enam bulan kemudian (Julai 2000) telah tidak diperbaharui oleh Kerajaan Malaysia. En Leow Kuan Shu (SP2) telah mengambil pembantu rumah yang baru. Responden terus tinggal di rumah En Leow Kuan Shu (SP2) atas ihsannya. Keterangan-keterangan responden telah disokong oleh keterangan En Leow Kuan Shu (SP3) sendiri.

B Akibat kemalangan tersebu,t responden telah mengalami kecederaan berikut:

(i) open fracture left tibia/fibula;

(ii) multiple abrasion wound;

C (iii) cerebral concussion.

Akibat kecederaan tersebut, pergerakan bukulali beliau terhad kepada dua sudut (extension and flexion) dan kaku dari dua sudut lain (eversion and inversion). Doktor Pakar juga mengesahkan bahawa responden telah mengalami kependekan tulang tibia sebanyak dua cm yang bermaksud D responden mengalami kependekan kaki kiri dua sm. Lilitan kaki kiri responden yang tercedera adalah lebih kecil dari kaki kanan beliau. Keilatan lain yang dialami oleh responden, mengikut doktor pakar, ialah 'deformity over left leg and foot; limping gait on walking: unable to stand for long period using left leg, osteoarthiritis' (sakit sendi) yang telah 'set in' dan doktor pakar juga mengesahkan bahawa 'the limp is permanent'.

E Di dalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 di ms 33, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> Future loss of earnings or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss, ie loss that is capable of assessment at the date of the trial. It must be proved by evidence and not mere speculation.

F Di dalam kes yang sama, Mahkamah Persekutuan telah juga memutuskan (di ms 33):

> It arises where there is a residual risk that the plaintiff might be thrown out of work altogether at some future date. The risk must be real and not speculative or fanciful. Any loss of money is relevant, whether the money is properly G described as 'earnings' or not, provided that the money is more than a 'mere possible contingency'. Thus, loss of possible contract as opposed to loss of probable contract is not recoverable.'

Syed Agil Barakbah H, dalam kes tersebut mengatakan (di ms 34):

H > On the principle stated above for loss of future earnings there must be evidence of a real and substantive loss which must not be remote and speculative.

Di dalam kes sekarang, responden merupakan seorang warganegara Indonesia yang datang ke negara ini bekerja sebagai pembantu rumah di atas permit kerja yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Pendapatan I bulanannya ialah RM350. Hakim mahkamah sesyen dalam kes ini telah mengawardkan kehilangan pendapatan masa hadapan kepada responden hanya bagi tempoh enam bulan selepas tarikh kemalangan iaitu tempoh

yang sama permit kerja beliau akan tamat. Bagi seseorang 'pendatang' beliau hanya boleh bekerja dan mendapatkan pendapatan di negara ini hanya dengan adanya satu permit kerja yang sah yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Permit kerja tersebut tamat tempoh sahlakunya dan perlu diperbaharui setiap tahun. Tanpa satu permit kerja yang sah, seseorang 'pendatang' tidak boleh bekerja di negara ini dan oleh itu tidak akan mendapat pendapatan yang sah. Dalam kes sekarang, kemalangan berlaku pada 31 Januari 2000 manakala permit kerjanya berakhir pada bulan Julai 2000 ie enam bulan selepas tarikh kemalangan. Hakim mahkamah sesyen telah mengawardkan 'kehilangan pendapatan' sebanyak RM350 x 6 bulan = RM2,100. Soalnya di sini samada responden layak dan berhak diawardkan 'kehilangan pendapatan' selepas tempoh tersebut iaitu selepas permit kerja beliau tamat.

Seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Ngooi Ku Siong,* kehilangan tersebut mestilah merupakan 'real assessable loss' dan hendaklah dibuktikan melalui keterangan yang sah, bahawa responden 'might be thrown out of worth altogether at some future date, bukannya sekadar secara spekulasi. Di dalam kes sekarang, responden tidak berjaya membuktikan 'kehilangan' tersebut selepas tamat tempoh permit kerjanya di negara ini. Peluang samada permit kerja beliau diperbaharui atau tidak bergantung kepada banyak faktor. Ianya boleh dikatakan terlalu 'remote' atau spekulatif. Juga tiada sebarang keterangan samada responden mempunyai sebarang pekerjaan tetap yang menunggunya di Indonesia bila beliau kembali ke negara asalnya kelak. Oleh itu, mahkamah ini bersetuju dan bersependapatan dengan keputusan hakim mahkamah sesyen yang mengawardkan responden bagi 'kehilangan pendapatan' hanya bagi tempoh six bulan semasa permit kerjanya masih berkuatkuasa. Mahkamah ini juga berpendapat dan memutuskan bahawa perayu tidak layak diawardkan ganti rugi bagi 'kehilangan pendapatan' selepas tempoh tersebut, kerana kehilangan pendapatannya bukanlah satu perkara yang 'real' dan ianya lebih merupakan satu kehilangan spekulatif sahaja.

Di dalam kes *Ngooi Ku Siong*, Mahkamah Persekutuan pernah menolak tuntutan 'kehilangan pendapatan masa depan' berdasarkan gaji bulanan mangsa yang akan diterima sekiranya beliau disahkan (confirmed) di dalam jawatannya, atas alasan bahawa pada. masa kemalangan berlaku beliau masih belum lagi disahkan (confirmed) dalam jawatannya. Pengesahan dalam jawatan beliau adalah berdasarkan 'performance' beliau. Dalam lain perkataan, oleh kerana gaji atau pendapatan masa depan berkenaan merupakan sesuatu yang belum ditetapkan, cuma satu spekulasi, seperti dalam kes sekarang ini, maka pendapatan tersebut tidak boleh diambilkira bagi tujuan award bagi 'kehilangan pendapatan masa depan'.

Peguam responden telah mengemukakan kes *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103 untuk membantu hujahannya. Makamah berpendapat bahawa keputusan kes tersebut tidak dapat membantu hujahan responden dalam kes ini kerana ianya terpakai kepada fakta kes yang berlainan dan boleh dibezakan. Di dalam kes tersebut, mahkamah telah mengawardkan mangsa bagi 'loss of earnings capacity' (bukannya 'loss of future earnings') kerana pada masa kemalangan

walaupun mangsa sedang bercuti tanpa gaji di Malaysia, tetapi beliau mempunyai kerja tetap di negara asalnya di Belanda, sebagai jururawat dan kerja tersebut akan disambung setelah beliau habis cuti tanpa gajinya. Sedangkan dalam kes sekarang, isu yang ditimbulkan samada responden layak diberikan award bagi kerja atau pendapatan masa depan yang belum menentu sebab permit kerja beliau telah pun tamat, dan tiada keterangan yang menunjukkan beliau ada kerja tetap yang menunggunya di negara asalnya di Indonesia seperti dalam kes *Dirkje Peiternella Halma*.

Selain dari itu, responden juga gagal untuk meyakinkan mahkamah ini dengan bukti yang memuaskan tentang samada dengan kecederaan yang dialaminya akibat kemalangan tersebut, beliau betul-betul tidak berupaya sepenuhnya untuk menjalankan tugas-tugas beliau sebagai pembantu rumah. Kerja-kerja sebagai pembantu rumah ada berbagai-bagai jenis dan berbagai-bagai cara. Ada yang berat dan ada yang agak ringan, berdasarkan skop tugas masing-masing seperti yang diarahkan oleh majikannya.

Keterangan perubatan hanya menyatakan tahap kecederaan yang dialami dan kesan sampingannya, tiada keterangan secara khusus yang mengatakan akibat kecederaan tersebut responden tidak boleh lagi melakukan kerja-kerja sebagai pembantu rumah. Seseorang yang mengalami kecederaan kependekan kaki dua sm; pergerakan bukulali yang terhad; 'deformity over left leg and foot'; 'limping gait on walking', mungkin tidak boleh melakukan kerja-kerja berat, tetapi mungkin boleh melakukan kerja-kerja rumah yang kurang berat, yang kurang menggunakan kekuatan kaki kiri.

Keputusan

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah memutuskan bahawa rayuan balas (cross-appeal) oleh responden adalah ditolak dengan kos.

Rayuan balas ditolak.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na